

13/11/1997

Tokoh politik dihalang hadiri majlis belia dibidas

SEGAMAT, Rabu - Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Datuk Suhaimi Ibrahim membidas pihak tertentu yang menghalang pemimpin politik serta pemimpin masyarakat di peringkat cawangan menghadiri majlis dianjurkan pertubuhan belia di tempat masing-masing.

Beliau berkata, jika kegiatan seumpama itu berlaku di tempat masing-masing, ia hendaklah ditentang bagi mengelakkan belia dari dipermainkan serta diperalatkan oleh pihak tidak bertanggungjawab.

"Tindakan itu perlu dilakukan dan jika dibiarkan ia boleh menjejaskan usaha kerajaan mengadakan pelbagai program kebaikan kepada belia untuk menjamin hidup lebih sempurna pada masa depan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan majlis penutup Seminar Pembangunan Kepimpinan Belia Daerah Segamat di Dewan Jubli Intan di sini.

Suhaimi menyelar pihak terbabit yang bertindak menghalang pemimpin politik dan masyarakat daripada menghadiri majlis yang dianjurkan pertubuhan belia di tempat mereka selepas mendengar pendedahan yang dibuat Pengerusi Majlis Belia Daerah Segamat (MBDS), Isro Sangtarib.

Isro ketika berucap pada majlis itu berkata, beliau dan ahli jawatankuasa di peringkat daerah berusaha mengadakan pelbagai program dan kegiatan untuk memajukan belia di daerah ini.

"Sebagai contoh, untuk mengadakan seminar yang diadakan itu, pihak kami bersusah payah ke Kementerian Dalam Negeri dan Badan Pencegah Rasuah (BPR) bagi mendapatkan tenaga penceramah untuk memberi ceramah pada majlis berkenaan."

Bagaimanapun, pihak tertentu dikatakan mengugut akan mengambil tindakan jika pemimpin politik serta masyarakat menghadiri seminar yang diadakan itu.

Suhaimi kesal atas tindakan yang dilakukan pihak berkenaan, kerana cuba menghalang belia dari mengadakan pelbagai program.

"Saya memandang serius masalah yang dihadapi MBDS dan berdiri teguh serta akan melaporkan perkara ini kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

Seminar sehari dianjurkan MBDS dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan Daerah dan ia dihadiri kira-kira 150 belia.

(END)